

TANGGUNGJAWAB MEMBERI NAFKAH DALAM ISLAM

16 DISEMBER 2022 122 JAMADILAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلَ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

آمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Islam mewajibkan manusia supaya bertanggungjawab dalam menjalankan amanah. Antara tanggungjawab terpenting bagi sebahagian umat Islam, adalah sebagai ketua keluarga. Selepas seseorang melafazkan akad nikah, apatah lagi setelah dikurniakan zuriat, maka wajiblah baginya memberi nafkah ke atas keluarganya.

Amat malang, apabila terdapat sebahagian daripada suami atau bapa, yang sepatutnya bertanggungjawab sebagai ketua keluarga, telah lalai dalam memberi nafkah sehingga menyebabkan berlakunya perceraian. Perkara ini sangat membimbangkan, kerana berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, jumlah pasangan bercerai semakin meningkat setiap tahun, dengan purata membabitkan hampir 4,000 pasangan setahun. Sebahagian besar punca berlakunya perceraian ini, adalah kerana kecuaian suami atau bapa mengabaikan pemberian nafkah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Nisa' ayat 34:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِنَّمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَّبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ ...

Yang bermaksud: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan

lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas perempuan, dan juga kerana lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka... ”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Antara jenis nafkah wajib bagi suami ke atas isteri dan anak-anak ialah menyediakan makan minum, tempat tinggal serta pakaian sehari-hari mereka. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 233:

... وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقٌ هُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَ ...
وَالِدَّةُ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْأُوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكِ ...

Yang bermaksud: “... *dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)... ”*

Malangnya, terdapat segelintir suami atau bapa yang mementingkan perbelanjaan untuk dirinya sahaja. Ada yang mendahuluikan belanja pakaian yang mewah dan berjenama untuk diri sendiri, lalu membiarkan isteri dan anak-anak berpakaian dengan baju lama, sempit dan sudah lusuh. Ada yang banyak belanja

makan di luar bersama rakan-rakan, tetapi terlalu berkira untuk membeli makanan kepada anak-anak sendiri.

Dalam hadis Abu Daud, Mu'awiyah al-Qushairi pernah bertanya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam mengenai hak isteri ke atas suaminya. Maka jawab Baginda:

أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طَعِمْتَ وَتَكْسُوَهَا إِذَا أَكْتَسَيْتَ - أَوْ أَكْتَسَبْتَ - وَلَا تَضْرِبِ
الْوَجْهَ وَلَا تُقْبِحْ وَلَا تَهْجُرْ إِلَّا فِي الْبَيْتِ

Yang bermaksud: “Engkau memberikan makan kepadanya sebagaimana engkau makan. Engkau memberikan pakaian kepadanya sebagaimana engkau berpakaian. Jangan pukul wajahnya dan jangan menghinanya. Jangan engkau tinggalkannya (dari tempat tidur) melainkan dalam rumah (jika kamu bermasalah dengannya).”

Pesanan Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam ini amat penting untuk dihayati oleh semua suami dan ketua keluarga, supaya tidak kedekut dalam memberikan nafkah rumah tangga, selain menjaga kehormatan dan air muka isteri di khalayak ramai.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Marilah kita bersama-sama menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dengan memberikan nafkah yang terbaik kepada tanggungan kita. Sekiranya diuji dengan perceraian sekali pun, ketua keluarga tidak boleh lari daripada tanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anaknya. Hukumnya haram, dan di akhirat anda akan menanggung hutang beban yang berat.

Bagi umat Islam di negeri Pahang, Bahagian Sokongan Keluarga di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Pahang telah menyediakan perkhidmatan bantuan bagi menangani permasalahan pengabaian nafkah daripada pihak suami atau bapa. Dapatkanlah sokongan dan bantuan melalui perkhidmatan ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

فَعَاتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ
وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٣٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ